

**Kami akan bekerjasama selepas siasatan selesai, kata SRC
Malaysian Insider
Nov 5, 2015**

Syarikat milik Kementerian Kewangan, SRC International Sdn Bhd mahu peguam negara menyiasat mereka yang bertanggungjawab ke atas dakwaan ketirisan dan kemungkinan penjualan maklumat rahsia, sebelum ia bekerjasama dengan penyiasat anti rasuah berhubung dakwaan salahguna dana melibatkan pihaknya.

Dalam satu kenyataan hari ini, bekas anak syarikat firma pelaburan milik negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB) itu berkata, ia sedia bekerjasama sepenuhnya dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas peguam negara selesai menyiasat perkara itu.

SRC International, dilaporkan membuat pinjaman RM4 bilion daripada dana persaraan Kumpulan Wang Amanah Pekerja (KWAP), menafikan wang itu dilesapkan dan berkata, ia "kecewa" dengan tindakan beberapa media "menyiarkan bahan berita yang direka dengan niat jahat" bagi mencadangkan wujud unsur rasuah. – 5 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bekerjasama-selepas-kebocoran-maklumat-selesai-kata-src>